

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih selamat. Lebih Bijak. Lagi Terjamin.



# Siaran Akhbar

## UNTUK PELEPASAN SEGERA HUBUNGAN MEDIA:

20 September, 2007

Dawn Haley atau Claudia Dickens  
Biro Pengukiran dan Percetakan  
202/874-2778

Rose Pianalto atau Jeffrey Smith  
Lembaga Rizab Persekutuan  
202/452-2955

Office of Public Affairs  
Perkhidmatan Rahsia A.S  
202/406-5708

Penny Kozakos  
Sokongan Media Program  
Mata Wang Baru  
202/530-4887

## Wang Kertas \$5 Membuat Debut Dalam Acara “Wi-5”

### “Pameran Digital” Pertama Kali Wang Kertas Direka bentuk Semula Pengenalan Dijadualkan untuk Awal 2008

**WASHINGTON, D.C. (20 September, 2007)** — Kerajaan A.S. pada hari ini mempamerkan secara digital, reka bentuk wang kertas \$5 yang baru dan lebih selamat yang akan dikeluarkan dan memasuki edaran pada awal tahun 2008. Wang kertas \$100 akan menyusul selepas itu. Ini adalah kali pertama dalam sejarah wang kertas A.S telah dipamerkan dalam talian keseluruhannya.

Sama dengan wang kertas \$10, \$20 dan \$50 yang direka bentuk semula baru-baru ini, wang kertas \$5 yang baru menggabungkan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan dan mudah digunakan, membuatnya lebih mudah bagi perniagaan dan pengguna untuk memeriksa wang kertas \$5 baru yang mereka terima dan lebih sukar untuk memelancung palsu.

Pegawai dari Perbendaharaan A.S., Lembaga Rizab Persekutuan, Biro Pengukiran dan Percetakan dan Perkhidmatan Rahsia A.S. merupakan sebahagian daripada pratonton “Wi-5” hari ini, acara digital sepenuhnya yang menegaskan komitmen kerajaan terhadap mengatasi pemelancungan mata wang. “Upacara membuka tirai” secara langsung bagi reka bentuk wang kertas \$5, yang menonjolkan pegawai kerajaan membincangkan usaha keselamatan mata wang telah berlangsung di [www.moneyfactory.gov/newmoney](http://www.moneyfactory.gov/newmoney) dan juga merangkumi Soal Jawab dalam talian untuk para pemberita. Podcast yang menonjolkan maklumat penting mengenai wang kertas \$5 juga dipos pada tapak tersebut.


“Kerajaan menggunakan alat terbaik yang tersedia supaya anda tidak mungkin menerima wang palsu,” kata Bendahari Amerika Syarikat Escobedo Cabral. “Ciri keselamatan yang dipertingkatkan merupakan perkata utama dalam siri mata wang ini – ciri keselamatan yang mudah digunakan oleh semua orang. Ketahui bagaimana menggunakannya, supaya anda tidak kehilangan wang anda yang telah diperolehi dengan susah payah andainya berlaku kemungkinan wang kertas palsu diberi kepada anda.”

Wang kertas \$5 baru menggabungkan ciri keselamatan terkini yang mudah digunakan oleh pengendali wang tunai dan pengguna semuanya. Pegang wang kertas pada cahaya untuk memeriksa ciri-ciri ini:

- **Tera air:** Kini terdapat dua tera air pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Tera air nombor “5” yang besar terletak di sebelah kanan potret menggantikan potret tera air Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada wang kertas \$5 reka bentuk lama. Tera air kedua - lajur yang terdiri daripada tiga “5” yang lebih kecil - telah ditambah pada reka bentuk \$5 yang baru dan diletak di sebelah kiri potret.
- **Benang Keselamatan:** Benang keselamatan yang terbenam berlari menegak dan kini terletak di sebelah kanan potret pada wang kertas \$5 yang direka bentuk baru. Huruf “USA” diikuti dengan nombor “5” dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang dari kedua-dua permukaan wang kertas. Benang itu bercahaya biru apabila dilihat di bawah cahaya ultraungu.

“Matlamat kita adalah untuk memperkenalkan secara lancar wang kertas yang direka bentuk semula kepada orang awam dengan bekerja sama terutamanya dengan institusi kewangan di Amerika Syarikat dan di seluruh dunia, dan juga dengan bank pusat asing,” berkata Michael Lambert, Penolong Pengarah, Bahagian Operasi Bank Rizab dan Sistem Bayaran, Lembaga Rizab Persekutuan. “Anda tidak perlu menukar beli wang kertas \$5 lama anda untuk yang baru. Semua mata wang A.S. yang dikeluarkan oleh kerajaan A.S. - baru dan lama - adalah wang sah dan masih boleh ditebus pada nilai mukanya yang penuh.”

Oleh kerana wang kertas \$5 sangat kerap digunakan dalam mesin layan diri dan mesin kad tambang singgah, kerajaan A.S. mula memaklumkan pengilang dan pengguna akhir mesin tersebut mengenai wang kertas \$5 baru akan datang lebih daripada setahun yang lalu, untuk memberi masa yang mencukupi untuk melaraskan mesin supaya menerima reka bentuk baru ini.



“Kita sedang bekerja sama dengan pengilang ATM dan lain-lain mesin berorientasikan wang tunai untuk memastikan mereka mempunyai maklumat yang diperlukan untuk melaraskan mesin mereka untuk menerima wang kertas baru,” kata Larry R. Felix, Pengarah Biro Pengukuran dan Percetakan Perbendaharaan. “Sama penting juga, kita sedang mendidik pengendali wang mengenai cara menggunakan ciri keselamatan yang dipertingkatkan. Mereka merupakan baris hadapan pertahanan terhadap pemelancungan mata wang dan pengetahuan mereka terhadap reka bentuk baru dan ciri keselamatan yang dipertingkatkan adalah vital bagi peralihan yang licin.”

Dengan pembukaan tirai wajah baru wang kertas \$5 pada hari ini, kerajaan A.S. melancarkan dengan rasmi fasa seterusnya program pendidikan awam yang akan memastikan peralihan yang lancar untuk mata wang ini dengan memaklumkan kepada orang di seluruh dunia mengenai reka bentuk baru dan ciri keselamatannya.

Bahan pendidikan yang percuma tersedia kepada perniagaan, institusi kewangan, persatuan perdagangan dan profesional, kumpulan warganegara dan individu untuk menyediakan pengendali wang tunai dan pengguna mengenali reka bentuk baru dan melindungi diri mereka daripada wang palsu. Sejak 2003, kerajaan A.S. telah mengedarkan lebih kurang 78 juta keping bahan pendidikan awam dan latihan mengenai reka bentuk semula wang kertas \$10, \$20 dan \$50 yang baru. Bahan tersedia untuk dipesan atau dimuat turun dalam berbilang bahasa di [www.moneyfactory.gov/newmoney](http://www.moneyfactory.gov/newmoney).

Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula juga akan bantu melindungi terhadap kaedah pemelancungan mata wang yang mengeluarkan dakwat daripada wang kertas \$5 dan mencetak padanya untuk mencipta wang kertas \$100 yang palsu. Dengan menyingkirkan seberapa banyak persamaan yang mungkin antara jenis mata wang \$5 dan \$100, reka bentuk baru menggagalkan pemelancungan dan melindungi pengguna mata wang A.S.

Benang keselamatan yang dibenamkan dalam wang kertas \$5 telah dikeluarkan supaya ia berada pada lokasi yang sangat berbeza daripada benang pada wang kertas \$100. Dahulunya terletak di sebelah kiri potret pada wang kertas \$5 reka bentuk lama dan pada kedudukan yang sama pada wang kertas \$100, benang tersebut kini telah dialih supaya berada di sebelah kanan potret Presiden Abraham Lincoln pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula.

Selain itu, persamaan antara tera air pada wang kertas \$5 dan \$100 juga telah disingkirkan. Walaupun kedua-dua wang kertas \$5 dan \$100 mempunyai tera air potret, tera air pada wang kertas \$5 yang baru telah ditukar kepada nombor “5” yang besar. Lagi pun, tera air kedua, yang menonjolkan lajur yang terdiri daripada tiga “5” yang lebih kecil telah ditambah di sebelah kiri potret Presiden Lincoln.

“Gabungan pendidikan awam, penguatkuasaan undang-undang dan ciri keselamatan yang dipertingkatkan membantu mencegah pemelancungan berpotensi tetapi ciri keselamatan hanya berfungsi jika orang tahu bagaimana menggunakannya,” berkata Michael Merritt, Pemangku Penolong Pengarah, Pejabat Penyiasatan, Perkhidmatan Rahsia A.S. “Ambil jalan bijak; ketahui wang anda supaya pemelancung tidak dapat mengambil kesempatan ke atas anda.”

Di Amerika Syarikat sahaja, pada tahun lepas terdapat 3,945 penangkapan di mana duit palsu telah diedarkan kepada individu dan perniagaan, bersamaan dengan kerugian berjumlah \$62 juta.<sup>1</sup>

Pada tahun lepas, Perkhidmatan Rahsia A.S dan pihak berkuasa antarabangsa merampas lebih daripada \$53 juta wang kertas palsu sebelum ia memasuki peredaran. Hampir \$65 juta yang telah dimasukkan dalam edaran, telah dikesan dan dikeluarkan, di seluruh dunia. Dalam kes ini, mangsa tidak bersalah yang menerima wang kertas palsu mengalami kerugian kewangan.<sup>2</sup>

Sama seperti dengan wang kertas \$10, \$20 dan \$50 yang direka bentuk semula yang telah mendahuluinya, wang kertas \$5 mencirikan simbol kebebasan Amerika dicetak pada latar belakangnya: Mohor Besar Amerika Syarikat, yang menonjolkan seekor burung helang dan perisai dicetak dengan warna ungu pada bahagian hadapan wang kertas tersebut.

Elemen reka bentuk tambahan termasuk:

- Nombor “5” yang besar dan mudah dibaca di sudut kanan sebelah bawah permukaan belakang wang kertas, yang membantu mereka yang mempunyai tahap penglihatan yang rendah membezakan jenis mata wang, telah diperbesarkan pada reka bentuk wang kertas \$5 yang baru, dan dicetak dengan dakwat ungu berkontras tinggi.
- Jidar bujur di sekeliling potret Presiden Lincoln pada permukaan hadapan dan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang telah dikeluarkan. Kedua-dua ukiran telah dipertingkatkan.
- Lengkuk bintang berwarna ungu mengelilingi potret dan Mohor Besar pada bahagian hadapan wang kertas dan “05” kuning yang kecil dicetak pada hadapan dan belakang wang kertas ini.

Perbezaan yang paling ketara pada wang kertas \$5 yang baru direka bentuk semula adalah tambahan warna ungu muda di bahagian tengah wang kertas tersebut, yang berpadu menjadi kelabu berhampiran dengan bahagian tepinya. Pengguna dan pengendali wang tunai hendaklah menggunakan ciri keselamatan utama - tera air dan benang keselamatan - bukannya warna, untuk mengesahkan ketulenan duit kertas mereka kerana warna boleh diduplikasikan.

###

<sup>1</sup> Perkhidmatan Rahsia A.S., berdasarkan statistik FY2006.

<sup>2</sup> Perkhidmatan Rahsia A.S., berdasarkan statistik FY2006.